

SOALAN NO. 190

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada Pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS) ada di implementasi atau terdapat sebarang perkongsian data antara Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memudahkan urusan dalam semakan serta permohonan semula bantuan di bawah JKM.

212

Tuan Yang di-Pertua,

11. Malaysia tidak dapat bersetuju dengan Kenyataan itu kerana ia gagal menggambarkan realiti sebenar isu penindasan etnik Rohingya. Malaysia melihat kenyataan itu sebagai lemah dan tidak akan mencerminkan profil yang baik bagi ASEAN.

12. Malaysia percaya bahawa pengecualian daripada Kenyataan ini adalah penting sebagai salah satu cara untuk memberikan tekanan ke atas Myanmar supaya menangani masalah di Rakhine dengan kadar segera.

Sekian, terima kasih.

Trump serta Perdana Menteri UK Theresa May semasa pertemuan dengan mereka di Washington dan London masing-masing pada bulan September lepas. Sejurus selepas pertemuan beliau dengan YAB Perdana Menteri, Presiden Trump telah mengumumkan bahawa Amerika Syarikat akan menyumbang sejumlah USD 32 juta untuk membantu pelarian Rohingya.

7. Susulan itu, Majlis Keselamatan PBB telah mengadakan sesi taklimat terbuka (*open briefing*) pada 28 September 2017 bagi membincangkan situasi di Rakhine, di mana kebanyakan ahli Majlis mengutuk tindakan pihak berkuasa Myanmar yang melakukan serangan ke atas etnik Rohingya.

8. Walaupun Malaysia bukan ahli Majlis Keselamatan PBB, Malaysia sentiasa sedia bekerjasama dengan negara-negara ahli Majlis Keselamatan PBB dalam usaha mencari jalan penyelesaian bagi menamatkan kekejaman terhadap Rohingya.

9. Pada ketika ini, OIC telah mencadangkan satu draf resolusi mengenai isu Rohingya untuk dibawa ke PBB. Draf resolusi tersebut masih di peringkat perbincangan.

10. Di samping itu, Malaysia telah mengecualikan diri daripada Kenyataan Pengerusi ASEAN mengenai Situasi Kemanusiaan di Rakhine yang dikeluarkan susulan daripada Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN di New York, Amerika Syarikat pada 23 September 2017. Mesyuarat tersebut telah gagal mencapai kata sepakat mengenai cadangan pengeluaran Kenyataan Bersama Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN berkenaan Situasi Kemanusiaan di Rakhine.

- 214
- (viii) Malaysia meminta agar pihak yang bertanggungjawab melakukan jenayah kemanusiaan di Wilayah Rakhine dibawa ke muka pengadilan.
 - (ix) Menyeru Kerajaan Myanmar untuk memastikan syor-syor yang dikemukakan oleh Laporan Akhir Suruhanjaya Penasihat mengenai Rakhine pimpinan Dr. Kofi Annan dapat dilaksanakan dengan kadar segera;
 - (x) Menyambut baik dasar Kerajaan Bangladesh untuk menerima pelarian Rohingya yang terjejas sejak insiden keganasan pada 25 Ogos 2017 dan menggalakkan masyarakat antarabangsa untuk membantu meringankan bebanan Kerajaan Bangladesh; dan
 - (xi) Menzahirkan kesediaan Kerajaan Malaysia dalam membantu Kerajaan Myanmar untuk menangani isu Rohingya yang kompleks.

5. Dalam hal ini, Malaysia telah mengambil keputusan untuk mengetengahkan isu Rohingya ini secara aktif ke peringkat antarabangsa terutamanya PBB dan OIC. Malaysia telah memberi penekanan terhadap elemen-elemen seperti yang di atas dalam setiap mesyuarat, perundingan atau '*engagement*' yang melibatkan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Selain itu, YAB Perdana Menteri baru-baru ini telah membincang isu penderitaan etnik Rohingya dengan President Amerika Syarikat Donald

kematian ramai orang awam serta sejumlah besar golongan tersesar secara dalaman (*internally displaced persons*);

- (iii) Situasi bergolak ini telah mencetuskan krisis kemanusiaan yang dahsyat dan berskala besar;
- (iv) Sekiranya situasi ini tidak dibendung dan diselesaikan secara tuntas, ia berupaya mengakibatkan lebih ramai etnik Rohingya melarikan diri ke negara-negara jiran di rantau ini terutamanya Malaysia dan Bangladesh. Penindasan berterusan yang dihadapi mereka juga berpotensi menggalakkan penularan elemen ektremisme dan keganasan di kalangan mereka. Kedua-dua faktor ini secara tidak langsung berupaya menjejaskan keamanan, kestabilan dan keselamatan serantau;
- (v) Menggesa supaya Kerajaan Myanmar menghentikan tindakan ketenteraan dan operasi keselamatan dengan serta merta bagi mengembalikan kestabilan Wilayah Rakhine;
- (vi) Menggesa supaya Kerajaan Myanmar memberikan kebenaran untuk bantuan kemanusiaan disalurkan tanpa sekatan dan diskriminasi;
- (vii) Menggesa supaya Kerajaan Myanmar memastikan golongan yang tersesar (*displaced persons*) dapat kembali ke tempat tinggal asal mereka di Rakhine dengan selamat dan secara bermaruah;

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih YB Setiu di atas pertanyaan yang diajukan.

2. Kebimbangan Malaysia mengenai situasi di Rakhine telah dizahirkan melalui Siaran Akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Negeri pada 25 November 2016, 30 Ogos 2017, 5 September 2017 dan 25 September 2017.

3. Wisma Putra juga telah memanggil (*summoned*) Duta Besar Myanmar ke Malaysia pada 25 November 2016 dan 5 September 2017 bagi menyuarakan pendirian Malaysia mengenai situasi di Rakhine.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sejak insiden keganasan pada 25 Ogos 2017, Malaysia telah mengambil pendirian yang berprinsip, jelas dan konsisten mengenai situasi di Rakhine. Elemen-elemen yang diberi penekanan oleh Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Mengecam serangan oleh Arakan Rohingya Salvation Army (ARSA) pada 25 Ogos 2017;
- (ii) Operasi keselamatan susulan oleh pihak berkuasa Myanmar adalah tidak seimbang (*disproportionate*), dan telah mengakibatkan